

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
[HULU LANGAT]

TARIKH : 26 MAC 2015 (KHAMIS)

SOALAN :

Dr. Che Rosli Bin Che Mat minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan kejayaan penjanaaan tenaga elektrik dari Biomass daripada tapak pelupusan sampah dan sisa kelapa sawit. Adakah ia boleh memberi pulangan daripada pelaburan mereka atau ia bergantung kepada subsidi Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Sehingga 28 Februari 2015 SEDA Malaysia telah meluluskan sebanyak **33 permohonan** dengan kapasiti sebanyak **314.79 MW** bagi projek biomas, dimana 27 permohonan (272.59MW) adalah menggunakan sisa kelapa sawit sebagai bahan bakar, manakala enam (6) permohonan (42.19 MW) adalah menggunakan sisa pepejal. Kelulusan ini adalah bagi projek-projek yang akan dibangunkan sehingga tahun 2017. Daripada jumlah ini, lima (5) daripada pemasangan janakuasa TBB daripada sumber sisa sawit dengan jumlah kapasiti 55.90 MW telah beroperasi dan bersambung ke grid.
2. Hanya terdapat satu (1) pemasangan TBB daripada sisa pepejal yang telah beroperasi dengan jumlah kapasiti 8.9MW. Walau bagaimanapun, kelulusan FiT bagi pemasangan ini telah dibatalkan kerana prestasi yang tidak memuaskan dan mengalami pelbagai masalah antaranya isu teknikal dan rekabentuk. Selain itu, tiga (3)

kelulusan bagi pemasangan biomas dengan jumlah kapasiti 37.9 MW daripada sisa sawit juga telah dibatalkan kerana prestasi yang kurang memuaskan.

3. Kesemua projek biomas di bawah Mekanisme FiT dibangunkan sendiri oleh syarikat pemaju tanpa subsidi daripada kerajaan. Pada kadar tarif antara RM 0.2687 / kWj sehingga RM 0.3085 / kWj tidak termasuk kadar bonus, pemaju dijangka akan memperolehi Kadar Pulangan Dalaman (*Internal Rate of Return - IRR*) minimum sebanyak 10% daripada pelaburan atau tempoh bayar balik (*Payback Period*) di antara 6-10 tahun bergantung kepada jumlah pelaburan yang dibuat bagi setiap kapasiti (MW) dan kos operasi tahunan yang akan ditanggung.

4. Kadar pulangan bagi pemaju biomass sisa sawit yang merupakan pemilik ladang kelapa sawit adalah lebih baik berbanding dengan pemaju yang bukan pemilik ladang kelapa sawit. Ini adalah kerana pemaju yang juga pemilik ladang mempunyai "*feedstock*" yang berterusan berbanding dengan pemaju yang bukan pemilik ladang yang terpaksa mendapatkan sumber bahan api biomass melalui pihak pembekal.

NO. SOALAN: 59

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN GOOI HSIAO-LEUNG
[ALOR SETAR]**

TARIKH : 26 MAC 2015

RUJUKAN : 7707

SOALAN:

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah status terkini dalam melaksanakan cadangan-cadangan Suruhanjaya Siasatan Diraja atas Projek IC di Sabah.

JAWAPAN :

Tuan yang di-Pertua,

Seperti mana yang dimaklumi, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah memperkenankan penubuhan Suruhanjaya Siasatan Pendatang Asing di Sabah menurut Seksyen 2(1)(d) dan Seksyen 3(1) Akta Suruhanjaya Siasatan 1950 pada 6 September 2012 dan menetapkan lapan (8) Terma Rujukan bagi Suruhanjaya ini. Seterusnya ketelusan Kerajaan juga dapat dilihat melalui keputusan Jemaah Menteri yang telah bersetuju supaya hasil siasatan dan laporan Suruhanjaya ini diumumkan kepada orang ramai dan ia juga telah dilaksanakan pada 03 Disember 2014 melalui Sidang Media oleh YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara.

Bagi memastikan tindakan susulan diambil hasil terhadap syor dan laporan Suruhanjaya ini, maka Kerajaan telah bersetuju untuk menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Warga Asing di Sabah. Dalam memuktamadkan fungsi dan peranan Jawatankuasa ini, beberapa siri perbincangan dan tindakan penyelarasan telah diadakan dengan Kerajaan Negeri Sabah termasuklah agensi Kerajaan yang terlibat dalam urusan penguatkuasaan seperti Jabatan Pendaftaran Negara dan Jabatan Imigresen Malaysia. Jawatankuasa ini mempunyai struktur dua (2) tier iaitu :

- a) **Jawatankuasa Induk Pengurusan Warga Asing di Sabah yang dipengerusikan bersama oleh YAB Ketua Menteri Sabah dan YB Menteri Dalam Negeri yang antara lainnya diberi tanggungjawab untuk menggubal dasar dan strategi pendekatan pengurusan warga asing di Sabah serta memantau pelaksanaan dasar dan program oleh agensi yang berkaitan berhubungan pengurusan warga asing ini. Jawatankuasa ini juga telah mengadakan mesyuaratnya yang terkini pada 10 Februari 2015; dan**
- b) **Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Warga Asing di Sabah yang dipengerusikan oleh YB Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, Timbalan Ketua Menteri Sabah. Jawatankuasa ini antara lainnya diberi tanggungjawab untuk meneliti laporan dan dapatan Suruhanjaya Siasatan dan mengemukakan cadangan penambahbaikan terhadap pengurusan warga asing di Sabah, mengkaji pelaksanaan sedia ada pengurusan warga asing di Sabah, mendapatkan maklum balas daripada masyarakat Sabah berhubung penambahbaikan pengurusan warga asing di Sabah, mengemukakan syor ke atas status keberadaan warga asing di Sabah mengikut undang-undang dan peraturan dan seterusnya mencadangkan pelan tindakan bagi pengurusan warga asing di Sabah. Jawatankuasa ini juga telah mengadakan mesyuaratnya yang terkini pada 17 Februari 2015.**

Tuan Yang di-Pertua,

Perlu diambil maklum bahawa Kerajaan mempunyai keazaman dan komitmen yang tinggi untuk mencari penyelesaian bagi masalah ini secara menyeluruh dan berterusan. Bahkan sebelum laporan Suruhanjaya disiapkan lagi, Kerajaan telah dan sedang melaksanakan tindakan-tindakan berkaitan beberapa perkara yang disentuh oleh Suruhanjaya termasuklah penubuhan Eastern Sabah Security Command (ESSCOM) yang berperanan memantapkan keselamatan dan kedaulatan negara daripada kumpulan-kumpulan yang mengancam keselamatan negeri Sabah serta melaksanakan dan meningkatkan operasi bersepadu mengusir pendatang asing tanpa izin.

Selaras dengan tanggungjawab yang telah diberikan kepada Jawatankuasa ini maka Kerajaan terbuka untuk menerima cadangan-cadangan baru untuk menyelesaikan isu warga asing termasuklah masalah kebanjiran Pendatang Asing Tanpa Izin di Sabah dan ia bolehlah dikemukakan melalui Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Warga Asing di Sabah yang diketuai oleh YB Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, Timbalan Ketua Menteri Sabah.

Kerajaan juga amat berharap agar dengan tindakan-tindakan susulan yang sedang diambil oleh Jawatankuasa ini, isu mengenai pendatang asing di Sabah tidak lagi dipolemikkan. Kerajaan ingin menumpukan segala perhatian ke hadapan (way

***forward*) dalam menyelesaikan isu pendatang asing di Sabah ini dan menjadikan dapatan Suruhanjaya sebagai panduan dan rujukan utama.**

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN WONG LING BIU
KAWASAN : SARIKEI
TARIKH : 26 MAC 2015, KHAMIS

SOALAN:

YB. TUAN WONG LING BIU (SARIKEI) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sama ada kerajaan pusat masih mempunyai sebarang rancangan atau pelan tindakan untuk membina satu jalan raya dari Bandar Sarikei ke Tanjung Manis dalam Rancangan Malaysia Ke-11. Sekiranya ada perancangan tentang projek tersebut, bilakah projek tersebut akan bermula dan berapakah anggaran kos projek tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek naik taraf Jalan Sarikei – Tanjong Manis, Sarawak telah menerima kelulusan secara prinsip daripada Agensi Pusat pada bulan April 2013.

Skop asal projek ini ialah membina jalan baru 2 lorong 2 hala ('single carriageway') sepanjang 4 kilometer dari Bintangor merentasi Sungai Rejang – bersambung ke Jalan Nanga Bangkit/Muara Leban, dan seterusnya ke jalan sedia ada, iaitu Jalan Sibu/Tanjong Manis dengan reka bentuk piawaian JKR R5. Anggaran kos projek ialah sebanyak RM45 juta Walau bagaimanapun pelaksanaan projek ini telah tertangguh sementara waktu berikutan permintaan Kerajaan Negeri Sarawak untuk mengkaji semula jajaran projek ini. Penetapan jajaran baru tersebut kini masih sedang dalam tindakan oleh pihak Kerajaan Negeri.

Namun demikian pengguna dari Sarikei sebenarnya masih boleh menggunakan jalan sedia ada untuk ke Tanjong Manis, iaitu Jalan Sibu – Bawang Assan – Seredeng. Jalan itu telah disiapkan pada tahun 2011 dengan kos sebanyak RM530 juta yang ditanggung oleh Kerajaan Pusat.

Sekian. Terima kasih.